

# Rendra warisi bakat bapa saudara

BAGI penulis muda, dapat atau tidak pasti akan cenderung mengikuti jejak langkah penulis senior yang paling rapat dengannya.

Perkara ini tidak terkecuali buat seorang penulis muda yang juga anak saudara kepada Gunawan Mahmood. Beliau kini menuntut di Universiti Pendidikan Sultan Idris dan sering mengikuti kuliah di bawah seliaan Prof. Madya Dr. Talib Samat.

Pemilik nama pena 'WB Rendra' ini sebagai merujuk kepada nama penuhnya, Wahyu Budiwa Rendra A.Wahid, 35, mula menulis sejak berada di sekolah menengah.

"Pada peringkat awal penulisan (ketika remaja), saya lebih cenderung kepada perkongsian atau luahan emosi. Namun, semakin lama menulis, saya memikirkan ada tanggungjawab yang lebih besar yang mesti disampaikan dan dikongsi dengan segenap lapisan masyarakat.

"Dalam hubungan ini, iaitu antara pembaca dan penulis, pembaca memperolehi sesuatu yang bermanfaat daripada karya yang dibaca. Perkara ini mendorong untuk saya terus menulis sehingga ke hari ini," ujar pemegang Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) ini.

Karyanya mula mendapat tempat di akhbar arus perdana negara sejak tahun 2002 setelah mengikuti Bengkel Kelab Penulis Zaharah Nawawi (KEPEZI). Hasil karya cerpennya dihimpunkan dalam kumpulan cerpen berjudul 'Mazhab Cinta' diterbitkan DBP pada tahun 2008.

Anak peneroka Felda Ulu Tebrau ini kemudiannya meraih pelbagai pencapaian membanggakan, antaranya, tempat ketiga Kategori Dewasa Sayembara Menulis Puisi Mengenang Tun Razak 2009 anjuran Akademi Seni dan Warisan (Aswara) menerusi sajak berjudul 'Tun Razak : Bapa Pembangunan Negarawan Agung' dan tempat ketiga Sayembara Menulis Novel Sejarah Johor III 2009 menerusi novel 'Empayar IX'.

Dalam hubungan ini, iaitu antara pembaca dan penulis, pembaca memperolehi sesuatu yang bermanfaat daripada karya yang dibaca. Perkara ini mendorong untuk saya terus menulis sehingga ke hari ini



WAHYU BUDIWA  
RENDRA A.WAHID

Di samping itu, Rendra juga meraih tempat pertama Sayembara Menulis Novel Sejarah Johor IV 2011 dengan novel berjudul 'Pejuang', penerima Anugerah Penulis Muda Johor 2007, Anugerah Penulis

Johor 2011 oleh Persatuan Penulis Johor (PPJ) dan penerima Anugerah Bakat Muda Seni oleh Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN) pada tahun 2013.

Sebagai antara penulis muda yang diharapkan mampu membawa hala tuju lebih jelas kepada penulis-penulis Felda, beliau berkata, kewujudan Persatuan Penulis Felda berupaya merapatkan hubungan antara penulis Felda dan organisasi berkenaan demi kebaikan bersama.

"Ini termasuk galakan inisiatif pembelian buku-buku penulis kelahiran anak Felda untuk disebarluaskan ke seluruh perpustakaan atau pusat sumber Felda.

"Selain itu, melalui persatuan juga, Felda dapat mengesan dan mengumpulkan penulis-penulis berbakat dan penulis pelapis kelahirannya. Sebagai menghargai sumbangan mereka, Felda boleh memberi galakan dengan mengiktiraf penulis-penulis ini melalui anugerah khas," katanya.

"Banyak orang yang suka membaca buku-buku yang berbahasa Inggeris. Saya ingin memberi maklumat bahawa buku-buku yang ditulis oleh penulis-penulis Felda ini juga boleh membantu mereka yang suka membaca buku-buku dalam bahasa Inggeris," katanya.

"Saya juga berharap penulis-penulis Felda ini akan mampu membawa nama baik negara kita ke seluruh dunia," katanya.



WAHYU Budiwa Rendra A.Wahid bersama-sama replika cek dan sijil kemenangannya dalam satu pertandingan yang dianjurkan Yayasan Warisan Johor pada tahun 2010.